

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**SOALAN :**

Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah jangkaan pengurangan pengeluaran kelapa sawit di negara kita pada tahun ini dan tahun yang akan datang akibat daripada El Nino. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran Minyak Sawit Mentah (MSM) pada tahun 2016 dijangka mencatatkan penurunan sebanyak 0.56 juta tan atau 2.81 peratus kepada 19.40 juta tan berbanding 19.96 juta pada tahun 2015. Pengeluaran MSM bagi tempoh Januari hingga Mac 2016 telah mencatatkan penurunan sebanyak 0.39 juta tan atau 10.3 peratus kepada 3.39 juta tan berbanding 3.78 juta tan bagi tempoh masa yang sama pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Fenomena El-Nino yang berpanjangan akan menjejaskan pengeluaran hasil buah sawit kesan daripada pengurangan pembentukan mayang betina sawit. Kesan El-Nino dijangka turut mempengaruhi hasil pengeluaran sawit pada tahun berikutnya.

Antara langkah yang diambil bagi menangani kesan fenomena El-Nino adalah dengan menggalakkan para pekebun dan syarikat perladangan untuk mematuhi kod amalan pertanian baik dalam menguruskan tanaman sawit secara lestari dan berhasil tinggi. Ini termasuklah kaedah penyediaan kawasan tanaman, pembinaan perparitan dan pengawalan paras air. Langkah ini dapat mengekalkan keseimbangan nutrien dan pengairan bagi mengekalkan tahap tumbesaran dan kesuburan pokok sawit.

Sekian, terima kasih.